

# Ajaran Arqam akan disekat

U.M. - 8 MAY 1993

**S**HAH ALAM 7 Mei — Datu' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedang mencari jalan untuk menyekat kegiatan Al-Arqam daripada menyebarkan ajaran mereka kerana ia boleh mendatangkan mudarat kepada umat Islam di negara ini.

Perdana Menteri berkata, kepercayaan kumpulan tersebut terhadap buku *Aurad Muhammadiyah* tulisan pemimpin mereka Ashanri Muhamad adalah jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

"Orang Islam tidak boleh percaya bahawa terdapat seorang imam (Imam Mahadi) yang boleh hidup sepanjang masa dan akan menjelma suatu hari nanti," katanya kepada pemberita selepas mesrasmik Syarikat Usra Tampi (M) Sdn. Bhd., di sini, petang ini.

Dr. Mahathir memberitahu, kepercayaan bahawa ada orang tertentu yang sudah dikenal pasti oleh kumpulan Al-Arqam akan menjadi pemimpin merupakan suatu kepercayaan yang menyeleweng.

Beliau menjelaskan bahawa pertubuhan tersebut ingin menyemai kepercayaan bahawa kepimpinan seseorang negara mestilah terdiri daripada golongan ulama dan apa yang mereka tafsirkan sebagai ulama ialah diri mereka sendiri.

"Ini yang mereka nak supaya kepimpinan mereka mestilah sevrang ulama, vrang lain tak boleh...macam saya tak bolehlah sebab mereka tidak tafsir saya sebagai ulama," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika dimin-

ta mengulas mengenai laporan yang mengatakan bahawa pemimpin Al-Arqam didapati menggunakan pertubuhan tersebut untuk menubuhkan kerajaan baru di negara ini.

"Ramai orang telah terkeliru dan percaya kepada ajaran pertubuhan tersebut dan ajaran-ajaran yang dibawahnya," ujar Dr. Mahathir.

Sehubungan dengan itu, beliau berkata, adalah tidak mudah untuk mengambil tindakan terhadap ajaran tersebut yang kini menjadi kepercayaan ramai orang.